

JOM PASAK : AMALAN TERBAIK APLIKASI PASAK 9 DALAM KALANGAN SISWA GURU

Jauriah Md Azali
Jabatan Ilmu Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Malaysia , Kampus Perlis, Malaysia
Email: jauriah.mdazali@ipgm.edu.my

Farrah Syuhaida Ismail
Institut Pendidikan Guru Malaysia , Kampus Perlis, Malaysia
E-mail: farrahsyuhaida@ipgm.edu.my

Zaiton Mat Non
Institut Pendidikan Guru Malaysia , Kampus Perlis, Malaysia
E-mail: zaiton.matnon@ipgm.edu.my

ABSTRAK

Jom Pasak berfokus kepada budaya berfikir dengan sembilan pasak utama untuk mengoptimumkan kemahiran berfikir, membugarkan PdPc mengikut kurikulum, meningkatkan kefahaman asas guru sejajar FPK, memantapkan penulisan refleksi dan kemahiran literasi pemikiran. Antara objektif kajian Jom Pasak ini ialah untuk mengenalpasti bagaimana aplikasi Pasak 9 berasaskan Model LiPS (Literasi Pemikiran Pasak Sembilan) dapat membantu siswa guru untuk merancang aktiviti bagi memanfaatkan literasi pemikiran dalam PdPc bagi meningkatkan motivasi, minat dan respon murid. Maka, melalui tugas siswa guru dengan penghasilan projek multimedia interaktif telah membantu dalam meningkatkan literasi pemikiran pasak sembilan yang merentas kurikulum. Justeru, 'teaching school' telah menjadi pentas siswa guru mengamalkan literasi pemikiran berasaskan pasak sembilan (LiPS) semasa praktikum 1 bersama guru pembimbing. Dapatan menunjukkan amalan literasi pemikiran Pasak 9 (LiPS) telah berjaya dilaksanakan dan mendapat respon positif semasa dilaksanakan bersama guru di kelas sebenar. Dapatan melalui persepsi siswa guru telah menunjukkan literasi pemikiran pasak sembilan (LiPS) telah dapat difahami oleh siswa guru. Justeru, aplikasi model LiPS amat bersesuaian untuk diguna pakai dan diaplikasikan dengan optimum oleh guru dalam bilik darjah. Hal ini kerana, model LiPS ini berupaya untuk meningkatkan minat, motivasi dan memberi respon pantas murid. Oleh itu, generasi muda dapat mengoptimumkan kemahiran berfikir secara kritis dengan penghasilan idea baharu ke arah pembangunan insan Madani.


Kata Kunci : Literasi pemikiran pasak 9, Model LiPS, kreatif, kemahiran berfikir, pembangunan insan Madani,

1. Pengenalan

Peranan warga pendidik adalah untuk menghasilkan modal insan holistik yang berilmu dan berakhlak ke arah menyempurnakan keberhasilan murid berpandukan enam aspirasi murid yang dinyatakan dalam PPPM 2013-2025 (KPM,2013) iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika serta kerohanian dan identiti nasional. Sebagai seorang pendidik yang bertanggungjawab, guru hari ini harus menyedari bahawa tugas dan amanah yang diserahkan kepadanya adalah untuk mendidik generasi yang akan menjadi dewasa kelak.

Oleh itu sebagai pendidik, kita hendaklah sentiasa mengamalkan konsep amalan berfikir ini melalui beberapa kaedah atau alat untuk menjana ciri kepimpinan genius dengan membudayakan amalan berfikir. Ianya berkaitan dengan tindakbalas minda atau pemikiran manusia.

Rajah 1: Model Literasi Pemikiran Pasak Sembilan (LiPS)



Sumber: IPGM (2022)

Model Literasi Pemikiran Pasak Sembilan (LiPS) dibangunkan setelah berlangsungnya Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil 1/2020. Model LiPS ini (Rajah 1) akan menjadi mekanisme pensyarah bagi meningkatkan pengupayaan dalam pemikiran kreatif dan inovatif semasa menjalankan sesi PdPc. Objektif LiPS:

- Mengoptimumkan kemahiran berfikir
- Membugarkan PdPc mengikut kurikulum
- Meningkatkan kefahaman asas guru sejajar FPK
- Memantapkan penulisan refleksi
- Mengoptimum kemahiran literasi pemikiran

Rajah 2: Pasak 9 – LiPS



LiPS berfokus kepada budaya berfikir untuk membentuk daya fikir dalam minda kelas pertama. Literasi pemikiran adalah kemampuan seseorang untuk memahami, menganalisis, dan mengevaluasi informasi serta idea-idea yang mereka temui. Ini melibatkan kemampuan kritis dalam memproses informasi, mengidentifikasi argumen yang valid, dan mengembangkan pemahaman yang mendalam tentang suatu topik. Ianya terdapat sembilan pasak utama

Dalam hal ini, siswa guru merupakan individu terpenting yang akan menjalankan visi dan menyampaikan ilmu dan kemahiran.

Oleh itu, bagi memastikan matlamat dan objektif pelaksanaan suatu pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) tercapai, pengajaran guru amat memainkan peranan. Justeru, siswa guru ini telah meneruskan

usaha untuk mendapatkan sumber dan sokongan melalui aktiviti untuk mendapatkan idea bagi mengaplikasi pemikiran pasak sembilan. Pensyarah yang mengikuti kursus awal semasa jerayawara telah memberikan pendedahan kepada siswa guru yang diajar melalui kursus masing-masing. Para siswa guru yang mengikuti kursus ini juga perlu menyebarkan kemahiran pemikiran ini kepada rakan lain bagi tujuan kefahaman literasi pemikiran dalam kalangan rakan kampus. Maka keyakinan pelatih dalam menguasai kemahiran berfikir dapat diperkukuhkan. Menurut Fullan (1993), guru memainkan peranan utama dalam menentukan kualiti implementasi mana-mana dasar polisi pendidikan yang baharu. Sering kali perubahan dalam pendidikan telah gagal disebabkan kurangnya perhatian diberikan kepada aspek pelaksanaan. Oleh itu ‘teaching school’ merupakan platform utama bagi para siswa guru mengaplikasi literasi pemikiran pasak sembilan (LiPS) ini semasa mereka menjalani praktikum 1 dan dibimbing oleh guru dalam mata pelajaran yang berkenaan. Rajah 2 menerangkan amalan kemahiran berfikir LiPS dimulakan setelah para pensyarah mengikuti pendedahan Model LiPS dalam Jerayawara IPGM pada tahun 2022. LiPS: elemen pasak sembilan adalah terdiri daripada :-

- Insan dan Ihsan
- Kognitif
- Bahasa
- Komunikasi
- Maklumat Data
- Sains dan Teknologi
- Kinestetik
- Estetika
- Asimilasi/Alami

Kajian ini adalah untuk melihat amalan LiPS telah dilaksanakan melalui Jom Pasak di bilik darjah sebenar.


2. Objektif Kajian

1. Mengenalpasti amalan aplikasi literasi pemikiran (Pasak) melalui model LiPS dapat membantu siswa guru untuk merancang aktiviti bagi memanfaatkan literasi pemikiran dalam PdPc
2. Menganalisa persepsi siswa guru mengintegrasikan Pasak (LiPS) dalam merancang aktiviti PdPc bagi meningkatkan motivasi, minat dan respon murid.

3. Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah Model LiPS dapat membantu siswa guru untuk merancang aktiviti bagi memanfaatkan aplikasi pemikiran ?
2. Bagaimanakah persepsi siswa guru mengintegrasikan Pasak (LiPS) dalam merancang aktiviti PdP bagi meningkatkan motivasi, minat dan respon murid?

Rajah 3: Jom Pasak (Model LiPS) : Amalan kemahiran Berfikir



4. Metodologi kajian

Pendekatan mod campuran kualitatif dan tinjauan digunakan untuk artikel ini. Kualitatif bermaksud sesuatu yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berasaskan kuantiti (bersifat kuantitatif) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Perbezaan penting antara kajian kualitatif dan kuantitatif ialah kandungan kajian kualitatif berasaskan perkataan manakala kajian kuantitatif pula menggunakan nombor. Kajian kualitatif bererti “satu pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang disifatkan oleh seorang individu atau sekumpulan tentang sesuatu masalah berkaitan kemanusiaan atau sosial (Ningi, A. I. , 2022 ; Creswell, 2016)”. Kajian kualitatif juga berfokus kepada memahami proses manusia menafsirkan pengalaman, membina kehidupan dan memberi makna kepada pengalaman tersebut (Merriam, 2009). Antara kaedah pengumpulan data adalah melalui platform pengajaran untuk mendapatkan data berkaitan aktiviti yang dirancang, mengedarkan soal selidik aplikasi pemikiran *Jom Pasak* (model LiPS). Seterusnya menganalisis dokumen aktiviti yang dilaksanakan dalam platform *Google Classroom* pensyarah kursus dan senarai semak dan pemerhatian semasa pelaksanaan di bilik darjah praktikum. Kaedah tinjauan melalui soal selidik digunakan sebagai sokongan tentang pemahaman siswa guru yang mengikuti kursus dalam memahami literasi pemikiran pasak 9 (LiPS).

4.1 Pemilihan sampel kajian

Reka bentuk kajian adalah berbentuk kajian deskriptif dimana pengkaji menganalisis dokumen aktiviti yang dilaksanakan dalam platform *Google Classroom* pensyarah kursus dan senarai semak serta pemerhatian semasa pelaksanaan di bilik darjah praktikum. Tinjauan tentang pelaksanaan di bilik darjah sekolah oleh siswa guru melalui tugasan projek MMI semasa praktikum oleh tujuh (7) orang siswa guru yang merealisasikan perancangan aktiviti di ‘teaching school’.

Manakala tinjauan melalui borang soal selidik juga digunakan terhadap responden seramai 156 siswa guru yang mengikuti kursus Asas Pendidikan (Teknologi untuk Pengajaran) kod EDUP3133 bagi meninjau kefahaman terhadap literasi pemikiran.


5. Perbincangan

Selain pemerhatian dan senarai semak semasa pelaksanaan di sekolah, tinjauan kefahaman terhadap siswa guru juga dijalankan sebagai sokongan kepada dapatan kualitatif. Demografi Responden seramai 156 siswa guru yang terlibat dalam menjawab soal selidik.

Jadual 1: Demografi Responden

Jantina	Peratus
Lelaki	20.5%
Perempuan	79.5%

Rajah 4: Peratus demografi



Jadual 2: Aplikasi Pasak (LiPS) terhadap siswa guru

LiPS: elemen Pasak 9	Persepsi siswa guru membudayakan LiPS (min)	Perancangan aktiviti (aplikasi LiPS) min	Purata min
Insan dan Ihsan	4.0	3.0	3.5
Kognitif	4.0	4.0	4.0
Bahasa	5.0	5.0	5.0
Komunikasi	4.0	5.0	4.5
Maklumat Data	4.0	4.0	4.0
Sains dan Teknologi	3.0	3.0	3.0
Kinestetik	5.0	5.0	5.0
Estetika	4.0	3.0	3.5
Asimilasi/Alami	4.0	4.0	4.0

Senarai semak tentang pelaksanaan di bilik darjah sekolah oleh siswa guru melalui tugasan projek multimedia interaktif (MMI) semasa oleh tujuh (7) orang siswa guru yang merealisasikan perancangan aktiviti di ‘teaching school’. Penggunaan kaedah pengajaran multimedia meningkatkan kualiti pengajaran dan minat murid, oleh itu pengajaran multimedia adalah kaedah pengajaran utama (Li & Wei 2018). Menurut Milkova (2014) menegaskan bahawa multimedia memainkan peranan yang penting dalam diri seorang guru kerana setiap guru perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini agar dapat memberi pengajaran yang mengikuti kriteria Pendidikan terkini.

Pelaksanaan di sekolah oleh siswa guru semasa praktikum 1

Pelaksanaan di lapangan (bilik darjah) telah dibuat berasaskan senarai berikut:

Jantina: lelaki /perempuan

Kumpulan : Murid Tahap 2

Perkara

Murid berminat dengan PdPc kursus menggunakan aplikasi Pasak (LiPS)

Murid bermotivasi untuk terlibat dalam aktiviti


Pendekatan PdP yang dikendalikan oleh pensyarah adalah berpusatkan murid/pelajar

Murid berpeluang memberi respon terhadap hasil PdPc saya

Murid mengetahui pencapaian PdPc saya melalui aktiviti dalam aplikasi Pasak


Dapatan Di Bilik Darjah

Rajah 4: Pelaksanaan di sekolah (sebelum aplikasi pemikiran)



Sebelum pelaksanaan

Rajah 5: Pelaksanaan di sekolah (selepas aplikasi pemikiran)



Selepas pelaksanaan

Dapatan temubual

‘Bahan MMI yang dinilai berada pada tahap yang optimum dan mampu diaplikasikan dalam pengajaran guru dan diterima dengan baik oleh murid kerana adanya kekuatan dan kelemahan di dalamnya.’ guru pembimbing. Sekiranya diteliti, dalam instrumen borang penilaian tersebut, kelemahan yang ketara dapat dilihat dalam aspek audio dan video manakala kekuatan adalah lebih kepada visual. Dengan itu, dapat dinyatakan bahawa terdapat banyak perkara yang perlu dibaiki dalam MMI tersebut khususnya dari segi penggunaan audio dan video yang perlu selaras dan bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan bagi meningkatkan literasi pemikiran pasak sembilan

6. Kesimpulan

Terdapat peningkatan terhadap minat, motivasi, aktiviti berasaskan literasi pemikiran pasak sembilan yang berpusatkan Model LiPS, respon dan pantas dalam peningkatan sikap murid semasa bahan MMI digunakan berasaskan LiPS. Multimedia memberi peluang kepada guru untuk memvisualisasikan bahan pengajaran dengan lebih jelas dan teliti selain membolehkan guru menyediakan bahan pengajaran untuk murid untuk mengoptimumkan tabiat belajar (Milkova 2014). Kajian ini dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan siswa guru dalam memanfaatkan literasi pemikiran pasak

sembilan (LiPS) dalam bilik darjah dan seterusnya mengaplikasi Kerangka Model LiPS (Pasak 9) semasa merancang aktiviti. Persepsi siswa guru lebih cenderung untuk elemen pasak kinestetik dan aplikasi LiPS lebih berfokus kepada aktiviti yang melibatkan kinestetik.

7. Rujukan

- Aziz, A., & Andin, C. (2018). Penggunaan strategi pembelajaran koperatif untuk meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 1-9.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2016). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage publications.
- Eva Milkova. (2014). Multimedia application for educational purposes: *Development of algorithmic thinking 11(1): 76-88*
- Fullan (1993). *Change Forces Probing the Depths of Educational Reform*. Routhledge.
- IPGM. (2022). *Panduan Ringkas LiPS*. IPGM
- KPM. (2013). *PPPM(2013-2025)*. KPM.
- KPM. (2012). *Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Li, P. & Wei, J.(2018). New Multimedia Teaching Method by Multi-screen Interactive. *MATEC Web of Conferences*, 173: 1-3.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. [/paper/Qualitative-Research%3A-A-Guide-to-Design-andMerriam/91c11bdbfeb89792e94f2ff1740be995a727bf20](#)
- Mufidah. (2022). Tahap Penggunaan Multimedia Bagi PdPc Kemahiran Membaca dalam Guru Pemulihan Khas. *Akademika 92(1), 2022: 45-57*
- Noor Rohana Mansor. (2020). Mengupayakan Pemikiran Aras Tinggi: Menyejahterakan Masyarakat Madani. *Journal of Business and Social Development Volume 8 Number 2, September 2020 eISSN: 2600-9668 © Penerbit UMT*
- Ningi, A. I. (2022). Data presentation in qualitative research: The outcomes of the pattern of ideas with the raw data. *International Journal of Qualitative Research*, 1(3), 196-200.
- Strunk, W., Jr., & White, E. B. (1979). *The elements of style*. (3rd ed.). New York: Macmillan.